

**TEKS UCAPAN
MAJLIS IKRAR PELAJAR BAHARU ASASI SAINS PERTANIAN
BERSAMA NAIB CANSOLOR**

**22 OGOS 2023 - 9.00 MALAM
DEWAN BESAR PKKSSAAS UPM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmahtulahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia
Madani

YANG BERBAHAGIA, PROF. DR. ISMI ARIF ISMAIL TIMBALAN NAIB
CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

~~YANG BERBAHAGIA, PROF. DR. NAZAMID SAARI, TIMBALAN NAIB
CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)~~

~~YANG BERBAHAGIA, PROF. DR. ARIFIN ABDU, TIMBALAN NAIB
CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)~~

~~YANG BERBAHAGIA, PROF. IR. DR. B.T. HANG TUAH BAHARUDIN,
TIMBALAN NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)~~

~~YANG BERUSAHA, EN. MUHAZAM MANSOR, PENDAFTAR UNIVERSITI
PUTRA MALAYSIA~~

YANG BERUSAHA PROF. MADYA DR. MARINA MOHD TOP @ MOHD TAH
PENGARAH PUSAT ASASI SAINS PERTANIAN

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, BARISAN PEGAWAI AKADEMIK
DAN STAF-STAF PUSAT ASASI SAINS PERTANIAN SERTA SETERUSNYA
YANG DIKASIHI PELAJAR-PELAJAR ASASI SAINS PERTANIAN SESI
2023/2024.

1. Segala puji bagi ALLAH SWT Pentadbir Seluruh Alam, Selawat dan Salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu sekalian rasul dan pembawa rahmat sekalian alam dan syafaat buat seluruh umat.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama untuk meraikan kemasukan para pelajar dari seluruh Malaysia ke Program Asasi Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia sesi akademik 2023/2024.
3. Saya mewakili seluruh warga UPM ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas, tahniah dan selamat datang kepada para pelajar baharu yang telah dipilih untuk melanjutkan pengajian ke Pusat Asasi Sains Pertanian Universiti Putra Malaysia.
4. Kami amat berbangga kerana anda telah memilih UPM sebuah menara ilmu sebagai tempat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pra-universiti. Ini adalah peringkat untuk anda menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran di kampus yang baharu dan berbeza daripada suasana pembelajaran di peringkat menengah.

Saudara dan saudari sekalian,

5. Selama setahun anda akan mengikuti Program di Asasi Sains Pertanian atau dikenali sebagai ASPer, saya berharap anda akan menggunakan masa dan peluang ini dengan sebaiknya untuk menggilap potensi anda sebagai pelajar dalam bidang akademik mahupun sahsiah.
6. Tanggungjawab anda sebagai pelajar adalah sangat berat kerana di bahu ada tergalas harapan, terpikul amanah daripada ibubapa, masyarakat, universiti dan negara. Oleh itu, diharapkan para pelajar dapat mengatasi sebarang dugaan dan cabaran semasa bergelar pelajar ASPer dan UPM.

Saudara dan saudari sekalian,

7. Seajar dengan misi dan visi penubuhan ASPer, kehadiran anda bakal menjadi satu titik permulaan dalam perjalanan hidup bagi memperkukuh asas dalam bidang sains dan pertanian sebelum melangkah ke program Ijazah kelak. Di UPM, pelbagai saluran dan mekanisme disediakan bagi membantu dan membimbing para pelajar agar dapat mencapai kecemerlangan untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi lagi. Ingat pesanan saya, jika anda bertemu satu jalan mati, di hadapan sana ada seribu jalan menanti. Pilih dan lalui jalan itu dengan penuh hemah, cermat dan bijaksana. Insya-Allah usaha ini akan menyumbang dalam kelangsungan al-Falah iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat.

8. Sepanjang bergelar pelajar di ASPer, diharapkan agar para pelajar tidak mensia-siakan peluang yang telah diberikan kerana bukan mudah untuk mendapatkan tempat di sini. Anda telah bersaing dengan ribuan pelajar dari seluruh Malaysia dan anda adalah antara yang terpilih dan bertuah. Pastikan anda sentiasa membuat yang terbaik agar kejayaan yang anda impikan menjadi milik anda. Ketahuilah, kejayaan berada di UPM ini merupakan amanah dan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan juga negara.

Para pelajar yang saya kasihi sekalian,

9. UPM sebuah menara ilmu yang sentiasa memberikan keutamaan dalam melahirkan mahasiswa yang holistik dan berdaya saing dalam mendepani masa depan yang mencabar. Kami akan sentiasa menjaga kebajikan pelajar dan juga memastikan para pelajar berusaha bersungguh-sungguh demi melakar masa depan yang lebih terjamin. Pihak ASPer juga bertekad untuk memastikan para pelajar bukan sahaja dapat meraih kecemerlangan dalam bidang akademik tetapi juga kemahiran insaniah sepanjang bergelar pelajar di UPM.
10. Adalah menjadi harapan saya agar semua pelajar dapat memanfaatkan segala peluang dan kesempatan di Pusat Asasi Sains Pertanian. Yakinlah, bahawa perjalanan ini bukanlah hanya suatu persinggahan, tetapi jadikanlah ia suatu memori indah untuk bekalan hari mendatang.

11. Akhir kata, syabas dan tahniah sekali serta mulakan langkah pertama ada di UPM dengan niat suci untuk menuntut ilmu, serta bertekad menggalas segala amanah dengan penuh hemah. Saya berdoa agar usaha menuntut ilmu anda akan dipermudahkan dan diberikan keberkatan oleh Allah SWT.

Sekian,

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.